

# 'SPRM siasat Mirzan untuk kumpul bukti dakwa saya'

**Putrajaya:** Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa tujuan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) menyasat anaknya Mirzan adalah untuk pengumpulan bukti bagi mendakwa bekas Perdana Menteri itu ke mahkamah.

Dr Mahathir yang memper-tikaikan tindakan SPRM itu berkata, Mirzan diminta untuk mengisytiharkan aset sejak 42 tahun lalu, bagi mengelakkan daripada dikenakan tindakan penjara.

"Apa yang dia (Mirzan) buat? Dia suruh anak saya bagi bukti supaya ayah boleh dicaj. Anak saya kena caj saya, kena beri bukti.

"Bukan main, daripada tahun 1981 sampai sekarang. Sudah tentu dia simpan dalam pejabatnya. Simpan dalam bilik yang penuh dengan cek, dokumen.

"Nak bagi 42 tahun dan diberikan pada masa 30 hari. Kalau lebih 30 hari boleh kena hukum, masuk penjara lima tahun," katanya pada sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, semalam.

Khamis lalu, SPRM menye-

rahan perintah notis kepada Mirzan yang menghendaknya isytihar aset dalam tempoh 30 hari.

Pada masa sama, Dr Mahathir mengakui risau terhadap siasatan dijalankan kepada anaknya itu kerana ia dilihat seperti suatu ancaman, yang boleh mengaitkannya melakukan kesalahan.

"Saya nak tanya kepada (Tan Sri) Azam Baki (Ketua Pesuruhjaya SPRM), siapa yang buat tuduhan itu dan kenapa tidak bagi tahu saya?"

"Anwar kata saya curi duit kerajaan, ...tunjuklah bukti, sebaliknya sekarang saya dengar anak saya diminta untuk beri bukti supaya saya boleh didakwa," katanya.

Dr Mahathir berkata, jika beliau melakukan kesalahan, pihaknya bersedia disiasat dan pihak berkuasa tidak seharusnya menggunakan undang-undang kerajaan untuk mengancam individu.

Katanya, pihaknya melihat siasatan dibuat terhadap anaknya tidak adil kerana perlu memaparkan segala transaksi se-

jak 42 tahun, iaitu ketika Mirzan masih berada di universiti.

Ketika ditanya sama ada siasatan itu dibuat atas rasa dendam, Dr Mahathir bagaimanapun berkata, pihaknya menyerahkan kepada umum untuk menilai.

"Semasa saya menjadi Perdana Menteri kali pertama, beliau berada dalam penjara dan semasa pimpinan saya kali kedua, beliau dibebaskan.

"Beliau kemudiannya mahu bertanding pada pilihan raya, dan ketika itu, saya dan Tun Daim Zainuddin berkempen untuk beliau namun kini beliau mahu menyasat saya atas kesalahan salah laku," katanya.

Pada sidang media sama, Dr Mahathir turut menafikan kenyataan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim kelmarin bahawa adalah sukar untuk menyasat orang kenamaan termasuk bergelar Tun.

Dr Mahathir berkata, beliau tiada kuasa justeru mudah disiasat, sebaliknya adalah lebih sukar menyasat mereka yang berkuasa terutama Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri, menteri kanan dan Ke-



*Dr. Mahathir ketika sidang media di Yayasan Kepimpinan Perdana, Putrajaya, semalam.*  
(Foto Eizairi Shamsudin/BH)

tua Pesuruhjaya SPRM berbanding mereka yang ada gelaran Tun sekalipun.

Menurut Dr Mahathir, beliau sedia disiasat dan jika ada tuduhan beliau akan mempertahankan diri di mahkamah.

Dr Mahathir juga mencabar Perdana Menteri supaya mengadakan Pilihan Raya Umum (PRU) bagi membuktikan bahawa beliau ada sokongan rakyat.

Beliau membuat cabaran itu

ketika ramai mendakwa kerajaan pimpinan Anwar didakwa menyalahgunakan kuasa dengan menyasat pihak yang dilihat berupaya menggugat kepimpinannya.

Cabaran itu juga dibuat kerana Dr Mahathir mendakwa kerana kedudukan Anwar sebagai Perdana Menteri adalah dilantik secara kebetulan dan bukan dipilih secara majoriti oleh rakyat.